

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)17**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

17. Setakat ini, berapakah MOU telah ditandatangani di antara Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan IPT?
- (a) Apakah tujuan dan hasil selepas MOU tersebut ditandatangani?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Setakat ini, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah menandatangani *Mutual of Understanding (MoU) / Certification of Collaboration (CoC)* bersama 14 buah Institut Pengajian Tinggi(IPT). Senarai IPT yang terlibat adalah seperti di **JADUAL 1** berikut:

<b>BILANGAN SESI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>SENARAI IPT</b>
Pertama	1 Mac 2020	Universiti Sains Malaysia (USM).

Kedua	28 Mac 2021	<p>(1) UOW Malaysia KDU Penang University College;</p> <p>(2) Penang Skills Development Center (PSDC);</p> <p>(3) Han Chiang University College;</p> <p>(4) SEGi College Penang; dan</p> <p>(5) Tunku Abdul Rahman University College (TARUC).</p>
Ketiga	1 September 2021	<i>Certificate of Collaboration (CoC)</i> dengan Politeknik Seberang Prai.
Keempat	3 November 2021	UNITAR International University.
Kelima	12 November 2021	<p>(1) IPK College Penang;</p> <p>(2) Management and Science University, Penang (MSU);</p> <p>(3) INTI International College Penang;</p> <p>(4) DISTED College Penang;</p>

		(5) Peninsula College Penang; dan (6) Advance Tertiary College.
--	--	---

**JADUAL 1**

**Soalan (a)**

Tujuan dan hasil selepas MOU tersebut ditandatangani adalah seperti berikut:

- (i) Membangunkan, membantu dan mendorong penyelidikan, pendidikan, pemindahan kemahiran, pertukaran pelajar, keusahawanan, pencungkilan bakat, kerjaya graduan dan pembangunan program pemerksaan belia secara holistik;
- (ii) Menggalakkan perkongsian sumber antara kedua-dua pihak termasuklah kepakaran, infrastuktur, kelengkapan dan sebagainya;
- (iii) Sebagai platform perkongsian pengalaman dan meluaskan perspektif para pelajar dalam pelbagai bidang yang dipersetujui; dan

- (iv) Menetapkan rangka kerja umum dalam hubungan akademik bagi membincangkan skop akademik dan industri dalam kalangan pelajar.

Terdapat banyak program yang telah dilakukan bersama IPT yang telah menandatangani MoU dan rakan-rakan industri lain.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti di

**JADUAL 2** berikut:

BIL.	AKTIVITI	IPT YANG TERLIBAT
(1)	Siri webinar dan forum dalam talian dan secara fizikal yang membincangkan tajuk-tajuk berkaitan kerjaya, keusahawanan dan kemahiran insaniah.	Anjuran bersama: (i) Universiti Sains Malaysia (USM); (ii) UOW Malaysia KDU Penang University; (iii) Politeknik Seberang Prai, (iv) TAR University College; (v) Peninsula College; (vi) IPK College;

		(vii) Politeknik Seberang Prai; dan (viii) DISTED College.
(2)	<i>Live Streaming Star Championship 2021 (LSSC)</i>	Universiti Sains Malaysia (USM).
(3)	<i>Digital Marketing Course</i>	DISTED College.
(4)	<i>Web Design Competition</i>	(i) Universiti Sains Malaysia (USM); (ii) DISTED College; (iii) Tunku Abdul Rahman University College; (iv) Peninsula College; dan (v)SEGi College Penang.
(5)	<i>International Youth Conference 2021</i>	(i) Universiti Sains Malaysia (USM); (ii) Tunku Abdul Rahman University College;

		<p>(iii) Han Chiang University College;</p> <p>(iv) SEGi College Penang; dan</p> <p>(v) Penang Skill Development Center (PSDC).</p>
(6)	<i>Web Development Training Program Siri 1</i>	Tunku Abdul Rahman University College.
(7)	<i>Web Development Training Program Siri 2</i>	<p>(i) Universiti Sains Malaysia (USM); dan</p> <p>(ii) DISTED College.</p>
(8)	<i>Reconceptualising Accounting Forum</i>	Tunku Abdul Rahman University College.
(9)	<i>Virtual Career Fair</i>	<p>(i) IPK College;</p> <p>(ii) Peninsula College,</p> <p>(iii) DISTED College;</p> <p>(iv) MSU College Penang; dan</p>

		(v) Universiti Sains Malaysia (USM).
(10)	<i>"Industrial Talk: How to write a good resume"</i>	Tunku Abdul Rahman University College.
(11)	<i>INTI-USC Competition In The Business Service Sector (Digital Marketing Boot Camp)</i>	INTI International University College Penang.
(12)	<i>Computing Boot Camp</i>	UOW Malaysia KDU Penang University College
(13)	<i>Pertandingan Creative Writing</i>	Universiti Sains Malaysia (USM);
(14)	<i>Pertandingan e-Sports</i>	Segi College Penang
(15)	Projek penyelidikan bertemakan Keberkesanan	Universiti Sains Malaysia (USM)

	Program Bakat Digital Muda	
(16)	Programe NEET ( <i>Not in Employment, Education and Training</i> )	UNITAR.
(17)	Pertandingan Poster bertemakan ' <i>Rediscovering New Reality with the Pandemic</i> '	UOW Malaysia KDU Penang.

**JADUAL 2**

Secara kesimpulannya, hubungan yang lebih kukuh dapat dijalinan setelah menandatangani MoU dengan semua IPT yang terlibat. Kerjasama dalam setiap aspek pemerksaan mahasiswa dan mahasiswi dapat diperkukuhkan ke arah pembentukan belia yang lebih berintegriti, peningkatan kebolehpasaran dan kompetensi yang merangkumi pelbagai bidang.